

Edisi Januari - Jun 2025

MITASA



Suara

MITASA

*Adab Sebagai Asas
Kecemerlangan Akademik
dan Pembentukan Sahsiyah*

*Biar Wasiat Jadi
Suara Terakhir*

*Merungkai Potensi:
Prestasi Pekerja Dalam
Era Kerja Jarak Jauh*

*Motivasi Diri Berdasarkan
Penilaian Prestasi*

*Cabaran dan Keperluan
Graduan Teknologi
Maklumat Dalam Dunia
Pekerjaan Masa Kini*

*"Selamat Ke Kita Ni?":
Meneroka 'OSH'*

*Kursus Pengurusan Operasi
Perkhidmatan - Membentuk
Insan Adabi Cemerlang*



PERJUANGAN YANG BERTERUSAN



Kursus Pengurusan Operasi Perkhidmatan - Membentuk Insan Adabi Cemerlang

Nurmuslimah Kamilah binti Abdullah
Pensyarah Fakulti Pengurusan dan Perniagaan

Pada tahun 1992, ketika berusia 10 tahun, bermulalah cita-cita untuk menjadi seorang pensyarah hasil cetusan seorang insan bergelar guru Bahasa Inggeris, Almarhumah Teacher Zaharah. Walaupun cita-cita ini pernah berubah sekali ketika berada di tingkatan 3, untuk menjadi seorang petani moden, namun Allah izinkan cita-cita untuk menjadi seorang pensyarah menjadi kenyataan. Nilai yang ditanamkan oleh Teacher Zaharah melalui pendekatan mencabar murid untuk menjadi insan berilmu dan beradab memberi inspirasi untuk menggalas tanggungjawab sebagai pendidik. Selain Teacher Zaharah, ramai lagi insan yang bergelar guru dan pensyarah yang menjadi pemangkin kepada penulis untuk terus berbakti.

Menjadi saksi kepada pendekatan para guru yang terus menyokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan, penulis dapat merumuskan Model A.D.A.B dan nilai dalam Model A.D.A.B yang disusun secara lebih berstruktur oleh Centre for Innovative Delivery and Learning Development (CIDL) secara tidak langsung telah lama dipraktikkan oleh para guru dan pensyarah, yang telah menyumbang kepada nilai yang diamalkan oleh penulis. Ini adalah kerana penekanan kepada menjaga hubungan dengan Allah, manusia dan alam telah disampaikan secara eksplisit dan juga implisit oleh para guru dan pensyarah penulis melalui kaedah dan pendekatan masing-masing.



THE
STARTING
POINT
OF ALL
ACHIEVEMENT
IS

DESIRE.

- Napoleon Hill